

Susun atur akad borang takaful kenderaan di Malaysia: perbandingan borang takaful kenderaan di Malaysia dan Jordan

ABSTRAK

Akad adalah sesuatu yang sangat penting dalam muamalat. Telah dikenal pasti akad takaful yang berteraskan tabarru' masih wujud kekurangan yang hampir menyerupai insurans konvensional daripada segi penjualan polisi perlindungan, pengurusan dana dan dalam proses pengunderaitan serta pengkelasan risiko yang menjadikannya lebih rumit untuk difahami oleh masyarakat. Berdasarkan susun atur dan perletakan ayat serta terlalu panjang padat dan penuh dalam borang akad takaful kenderaan berkemungkinan menjadikan penyebab sumber kecelaruan pemahaman dalam membuat akad dan pengendalian borang akad takaful kenderaan yang hampir menyerupai konsep insurans konvensional. Hal ini boleh menimbulkan kebimbangan dan kajian perlu dijalankan terhadap perletakan konsep akad di dalam helaian borang daripada pelbagai segi. Perbandingan negara Jordan menghasilkan borang akad takaful kenderaan telah digunakan dalam kajian sebagai pengukur.